



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1984

PINDAAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 10 TAHUN 1980

Untuk melengkapkan peraturan mengenai elaun-elaun dan pemberian kemudahan berikutan dengan pemangkuan dan kenaikan pangkat, maka Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1980 adalah dengan ini dipinda seperti berikut:

- (i) Potong semua sekali ayat akhir dalam perenggan 46 (i);
- (ii) Selepas perenggan 46 yang ada sekarang, masukkan kepala tajuk yang berikut serta perenggan-perenggan baru 47 dan 48:

“Tarikh Kuatkuasa Pembayaran Elaun dan Pemberian Kemudahan Kepada Pegawai-pegawai Yang Dinaikkan Pangkat atau Memangku Mulai Daripada Satu Tarikh Yang Dikebelakangkan.

47. Jika tarikh kuatkuasa seseorang pegawai yang memangku atau terus dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi dikebelakangkan maka ia hendaklah dibayar tunggakan elaun memangku atau gaji hakiki jawatan yang lebih tinggi itu mulai daripada tarikh kuatkuasa pemangkuan atau kenaikan pangkatnya itu. Pegawai yang berkenaan hendaklah juga dibayar sebarang elaun dan diberi sebarang kemudahan menurut jenis dan kadar yang layak diterima oleh pemegang hakiki jawatan yang lebih tinggi itu mulai daripada tarikh kuatkuasa pemangkuan atau kenaikan pangkat itu atau mulai daripada 1hb Julai, 1980 jika pemangkuan atau kenaikan pangkat itu diluluskan setelah tarikh tersebut termasuklah:

- (a) Elaun Khas Khidmat Polis;
- (b) Elaun Keraian;
- (c) Bayaran Bantuan Sewa Rumah;
- (d) Bayaran Bantuan Menyenggara Rumah;
- (e) Pinjaman Perumahan:

Sekiranya dalam tempoh mulai daripada kuatkuasa pemangkuan atau kenaikan pangkat itu sehingga pengumumannya pegawai berkenaan telah diluluskan pinjaman perumahan

kerana membeli harta dan harta itu dinilai oleh Kerajaan lebih tinggi daripada maksima pinjaman yang dilayaki oleh jawatan hakikinya sebelum tarikh kuatkuasa pemangkuan atau kenaikan pangkatnya itu, maka tambahan boleh diluluskan kepada pinjaman perumahannya itu sehingga jumlahnya menyamai nilai oleh Kerajaan yang tersebut atau sehingga ke maksima kelayakan pinjaman baru itu, mengikut mana yang lebih rendah; tetapi tidak boleh melebihi maksima pinjaman yang dilayaki bagi jawatan kenaikan pangkat itu;

(f) Pinjaman Kenderaan :

Sekiranya pegawai yang diluluskan pemangkuan atau kenaikan pangkat itu *telah* diluluskan pinjaman kenderaan untuk membeli kenderaan dalam tempoh mulai daripada tarikh kuatkuasa pemangkuan atau kenaikan pangkatnya sehingga tarikh pengumumannya tetapi harga kenderaan itu, jika kenderaan yang baru atau nilai Kerajaan bagi kereta yang sudah terpakai, lebih tinggi daripada jumlah maksima pinjaman yang dilayakinya berasaskan kepada jawatan hakiki yang disandangnya sebelum pemangkuan atau kenaikan pangkatnya itu diumumkan, maka tambahan hendaklah diberi pinjaman kenderaan supaya jumlah pinjaman itu sama dengan harga atau nilai kenderaan itu; tetapi jumlah pinjaman itu tidak boleh lebih daripada maksima pinjaman yang dilayaki oleh jawatan kenaikan pangkat itu;

(g) Bayaran Bantuan Sewa Rumah :

(i) Sekiranya seseorang pegawai itu telahpun layak menerima Bayaran Bantuan Sewa Rumah sebelum ia memangku atau dinaikkan pangkat ke jawatan lebih tinggi, tetapi setelah memangku atau dinaikkan pangkat itu beliau layak menerima Bayaran Bantuan Sewa Rumah atas kadar yang lebih tinggi pula maka beliau hendaklah dibayar perbezaan di antara kadar Bayaran Bantuan Sewa Rumah bagi jawatan hakiki (atau jawatan lamanya) dengan kadar Bayaran Bantuan Sewa Rumah bagi jawatan yang dipangku atau jawatan kenaikan pangkatnya itu, mulai 1hb Julai, 1980 atau mulai daripada tarikh kuatkuasa pemangkuan atau kenaikan pangkatnya itu, sekiranya tarikh itu terkemudian daripada 1hb Julai, 1980.

(ii) Sekiranya seseorang pegawai itu tinggal di rumah Kerajaan yang dikenakan sewa sebelum beliau memangku atau dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi, tetapi dengan pemangkuan atau kenaikan pangkat

itu beliau menjadi layak tinggal di rumah Kerajaan dengan percuma, maka hendaklah dibayar balik kepada pegawai itu akan sewa rumah yang telah dibayar olehnya, mulai 1hb Julai, 1980 atau mulai tarikh kuatkuasa pemangkuan atau kenaikan pangkatnya, sekiranya tarikh itu terkemudian daripada 1hb Julai, 1980.

48. Elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang berikut hendaklah dinikmati hanya mulai daripada tarikh surat pengumuman mengenai kenaikan pangkat atau pemangkuan itu dibuat oleh kuasa-kuasa yang tertentu :

- (a) Elaun-elaun yang merupakan gantian perbelanjaan yang diperuntukkan di dalam Perintah Am Bab "B" seperti Elaun Makan, Elaun Lojing, Bayaran Sewa Hotel, Elaun Berkursus dan lain-lain elaun yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;
 - (b) Kelayakan Wad;
 - (c) Kelayakan kelas Tempat Duduk Kapal terbang atau Keretapi;
 - (d) Kelas Rumah Kerajaan;
 - (e) Lawatan Tambang Percuma;
 - (f) Peruntukan Rasmi Keretapi;
 - (g) Bekalan Letrik dan Air Percuma."
- (iii) Nomborkan semula perenggan 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53 dan 54 yang ada sekarang supaya masing-masing menjadi perenggan-perenggan 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55 dan 56."
- (iv) Tambah perkataan-perkataan yang berikut sebagai perenggan kecil baru (iii) selepas perenggan kecil (ii) dalam perenggan 55 :
- "(iii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 1972 adalah dengan ini dibatalkan."

(TAN SRI OSMAN S. CASSIM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.
15hb Jun 1984.